

28 AUG 2003

Mahathir-Indonesia

MALAYSIA, INDONESIA SETUJU KERJASAMA LEBIH ERAT TANGANI KEGANASAN

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk mengeratkan lagi kerjasama dalam bidang perkongsian maklumat dan risikan dalam usaha kedua-dua negara meningkatkan kemampuan menangani keganasan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri yang mengadakan perundingan tahunan Malaysia-Indonesia di sini hari ini membincangkan langkah yang perlu dibuat kedua-dua negara bagi menangani ancaman berkenaan.

"Ya, kita bincang mengenai keamanan dan keselamatan," kata Dr Mahathir pada persidangan berita bersama dengan Presiden Megawati di akhir majlis perundingan tahunan itu petang ini.

Menjawab satu soalan mengenai perkara khusus tentang usaha menangani keganasan yang dibincangkan pada pertemuan hampir dua jam itu, Dr Mahathir berkata ia adalah mengenai perlunya kerjasama lebih erat untuk bertukar-tukar maklumat.

Dalam pada itu, Megawati berkata kerjasama erat itu penting memandangkan keganasan "boleh dilakukan oleh siapa sahaja, di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja."

Kepada satu soalan bahawa Indonesia tidak melakukan secukupnya untuk membendung keganasan, Megawati berkata keadaan itu tidak hanya berlaku di Indonesia, malah di negara-negara lain juga.

"Ada juga kejadian pengeboman di beberapa negara (lain)...apa yang kita perlu fikirkan sekarang ialah sudah berapa jauh kita berada dalam usaha menangani masalah ini," kata beliau.

Megawati berkata negara-negara sukar membendung keganasan secara bersendirian dan oleh sebab itu Indonesia mencadangkan penubuhan Majlis Keselamatan Komuniti Asean (ASCC) pada Sidang Kemuncak Asean di Bali, Indonesia, Oktober ini.

"Kita memerlukan mekanisme seperti (ASCC) ini untuk melaksanakan kerjasama secara konkrit untuk menangani masalah terrorisme," katanya.

Mengenai isu pendatang tanpa izin yang turut menjadi agenda perbincangan kedua-dua pemimpin itu, Dr Mahathir berkata masih banyak langkah kawalan yang perlu dilaksanakan di kedua-dua negara.

Dr Mahathir menghargai usaha yang dijalankan Indonesia bagi menangani masalah pendatang tanpa izin, satu isu yang turut dibincangkan pada perundingan tahunan Malaysia-Indonesia di Bali pada Ogos tahun lepas.

"Mereka (Indonesia) telah banyak bertindak tetapi masalah itu masih belum diatasi sepenuhnya. Kita telah berbincang mengenainya bagi mencari jalan dan kaedah yang lebih berkesan," kata Dr Mahathir.

"Kita perlu mengenalpasti di mana mereka berlepas, di mana mereka mendarat di Malaysia...pintu masuk sah dan haram dan jika mereka masuk secara haram, kita perlu menghantar balik. Semua ini, kita bincang," katanya.

Mengulas isu sama, Megawati berkata Indonesia kini akan menghantar pekerjajanya melalui agen-agen yang ditentukan.

"Dengan itu lebih mudahlah untuk mengesan mereka yang masuk secara tidak sah dan atau sebaliknya," kata beliau.

Mengenai perundingan tahunan Malaysia-Indonesia, Dr Mahathir berkata ia telah dapat mengeratkan lagi kerjasama kedua-dua negara.

"Tiada masalah besar antara Malaysia dan Indonesia dan didapati agak mudah untuk kedua-dua negara bekerjasama dalam semua bidang.

"Jika ada masalah kita selesaikan dalam perundingan. Bagi pihak

Malaysia, kami amat berpuas hati dengan perbincangan ini dan bersetuju supaya ia akan dijadikan sebagai sebahagian daripada tradisi kerjasama kedua-dua negara," kata beliau.

Megawati pula berkata walaupun perundingan itu bersifat tahunan, kedua-dua negara masih boleh bertemu pada bila-bila masa apabila ada perkara penting untuk dibincangkan.

Indonesia akan menjadi tuan rumah perundingan itu tahun depan.

-- BERNAMA

JS MOZ